



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### PERMOHONAN SURAT KEBENARAN BEROPERASI BAGI SEKTOR YANG DIBENARKAN OLEH KERAJAAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI TEMPOH 1 JUN HINGGA 14 JUN 2021 MELALUI PORTAL CIMS 3.0

Sidang Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) hari ini telah memutuskan agar surat kebenaran beroperasi bagi sektor-sektor ekonomi perlu yang dibenarkan oleh Kerajaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 1 hingga 14 Jun 2021 hendaklah dipohon melalui portal **COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0** yang diselenggarakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Justeru, sektor-sektor ekonomi seperti di bawah boleh mengakses portal CIMS 3.0 untuk mendapatkan surat kelulusan beroperasi sekiranya belum menerima kelulusan untuk beroperasi mulai 1 Jun 2021, melalui pautan **notification.miti.gov.my**:

- i. Pembuatan dan perkhidmatannya yang berkaitan (manufacturing-related service – MRS);
- ii. Perdagangan pengedaran termasuk pemborongan, peruncitan dan pengedaran;
- iii. Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan;
- iv. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan serta perkhidmatan veterinar;
- v. Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran (bagi tujuan penyampaian maklumat, berita dan seumpamanya sahaja);
- vi. E-dagang dan teknologi maklumat;
- vii. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengagihan bahan api dan pelincir; dan
- viii. Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal.



**KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**Syarikat-syarikat yang sudah tersedia berdaftar di CIMS 3.0 tidak perlu mendaftar semula dan boleh terus memuat turun surat kebenaran beroperasi bermula jam 8.00 malam, 31 Mei 2021.** Bagi syarikat dalam sektor-sektor tersebut yang **masih belum mendaftar**, boleh membuat **pendaftaran bermula 8.00 pagi, 1 Jun 2021**. Maklumat terperinci mengenai tatacara pendaftaran di CIMS3.0 (melalui pautan [notification.miti.gov.my](http://notification.miti.gov.my)) boleh dilayari melalui [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my).

Dengan perkembangan terbaharu ini, pergerakan pekerja bagi sektor-sektor tersebut boleh menggunakan:

- i. Surat CIMS 3.0 daripada MITI; dan
- ii. Surat pengesahan lantikan daripada majikan ATAU pas pekerja.

MITI bersama Kementerian dan Agensi yang terlibat komited dalam membantu melancarkan proses kebenaran beroperasi bagi sektor-sektor yang dibenarkan oleh Kerajaan.

Untuk maklumat lanjut dan direktori Kementerian sila layari [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my).

## **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)**

**31 MEI 2021**

### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail [alluks@miti.gov.my](mailto:alluks@miti.gov.my)